



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8880 5650 / No. Faks: 03-8880 5646

LAMAN WEB: www.eaic.gov.my



PENGARANG, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

TAHANAN MATI TERGANTUNG DI LOKAP SELAMA: SIASATAN BEBAS DAN BERASINGAN

PUTRAJAYA 1 April 2018 - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan / *Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC)* ingin merujuk kepada laporan oleh BERNAMA yang disiarkan di beberapa portal media pada 25 Mac 2018 berhubung siasatan tahanan mati tergantung di lokap Balai Polis Selama, Perak pada 17 Mac 2018.

Susulan daripada laporan yang agak mengelirukan tersebut, EAIC ingin membuat beberapa penjelasan seperti berikut:

1. EAIC sentiasa menjaga tahap kebebasan dan ketelusan dalam membuat siasatan khususnya dalam menyiasat sesbuah agensi di bawah pengawasan EAIC. Dalam konteks tersebut suka dimaklumkan bahawa EAIC telah menjalankan siasatan secara berasingan berhubung kes ini dan bukan sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Polis Daerah Selama, DSP Loo Lian Lay kepada pihak media.
2. Susulan daripada laporan dan pendedahan berhubung kematian tersebut, EAIC telah membuka kertas siasatan dan mengambil keterangan yang sewajarnya. EAIC ketika ini dalam proses melengkapkan siasatannya dan dapatkan kes akan diumumkan setelah selesai. Sekiranya terdapat syor-syor yang berkaitan, ianya akan dipanjangkan kepada pihak berkuasa tatatertib / Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS), Polis Diraja Malaysia untuk penambahbaikan selanjutnya.
3. EAIC ingin menegaskan setiap siasatan yang dijalankan oleh pihak Suruhanjaya adalah bebas, telus dan profesional berdasarkan kuasa penyiasatan yang diperuntukkan di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700].

TAMAT

DATO' A.AZIZ BIN A.RAHIM
Pengerusi
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)
1 April 2018